

**CADANGAN-CADANGAN PENAMBAIKAN BAGI
SESI PENDENGARAN AWAM JAWATANKUASA TERPILIH PARLIMEN
BERHUBUNG DENGAN PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA
7 & 8 JANUARI 2012
DI BILIK GERAKAN, BANGUNAN SUK, KOTA DARUL NAIM, KELANTAN**

ISU:*

1. Had Kelayakan Umur Mengundi 21 Tahun.

Kami remaja-remaja umur 18 tahun merasa kecewa dan terhina kerana pihak kerajaan tidak membenarkan kami keluar mengundi. Adakah kami dilihat sebagai anak muda yang masih lagi mentah dan tidak matang dalam menilai isu-isu senasa dan tata kelola pihak kerajaan . sedangkan kami merasakan bahawa kami sudah mencapai unur yang dikirakan matang. Melihat kepada realiti kita anak muda pada hari ini bukannya mereka sudah dibenarkan untuk melihat tayangan yang berlabel 18 SG, 18 PG , 18 PL dan 18 SX.Ini menunjukkan bahawa pada unur 18 ini, kami sebenarnya sudah matang dan mapu memilih antara yang baik dan buruk

Antara implikasi yang kami dapat rasakan hasil daripada pemerintahan pihak kerajaan sekarang adalah antaranya melalui bidang pendidikan, keperluan asasi kehidupan harian, suasana peningkatan jenayah yang semakin meningkat, dan sebagainya.

Baiklah, sisitem pembelajaran misalnya. Sepatutnya kami dapat menikmati kemudahan untuk belajar dalam kondisi yang selesa. Iaitu dengan menghadkan bilangan pelajar sekitar 15 hingga 20 orang sekelas. Dengan ini, kami akan dapat menambahkan keselasaan kepada kami, khususnya bagi memperkasa tahap kematangan pemikiran kami.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN:

- 1) Had kelayakan umur mengundi diturunkan daripada 21 tahun kepada 18 tahun
- 2). Kualiti pendidikan diperkukuhkan dengan menghadkan bilangan pelajar sekitar 15 hingga 20 orang sekelas sahaja
- 3) Menganjurkan kempen kesedaran mengundi kepada bakal-bakal pengundi baru dengan lebih awal .Khususnya kepada pelajar-pelajar sekolah menengah dan IPTA/IPTS.

Daripada :

- 1) Muhammad Amirul Amri Bin Mohd Jaaffar (9404045-14-6017)
- 2) Muhammad Khairul Miqdad Bin Mohd Noran (940905-14-5969)
- 3) Mohamad Sahibudin Bin Ibrahim (940513-03-5269)

**CADANGAN-CADANGAN BAGI
SESI PENDENGARAN AWAM JAWATANKUASA TERPILIH PARLIMEN
BERHUBUNG DENGAN PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA
7 & 8 JANUARI 2012
DI BILIK GERAKAN, BANGUNAN SUK, KOTA DARUL NAIM, KELANTAN**

Saya Naziratul Aini Bt Mohd Sayuty, ingin mencadangkan kepada Jawatankuasa Terpilih Parlimen Berkenaan Penambahbaikan Sistem Pilihan Raya berkaitan Pengukuhan Institusi Awam, Pilihan Raya dan Anak Muda Mahasiswa.

Saya merujuk insiden mahasiswa dibelasah oleh Polis dan didakwa oleh pihak Universiti yang berlaku di UPSI baru-baru ini hanya kerana tuntutan mereka untuk mendapatkan kebebasan, terutamanya kebebasan berpolitik.

Pihak SPR kerap mengeluarkan kenyataan bahawa anak muda dalam jumlah yang ramai tidak mendaftar sebagai pengundi dan mempersoalkan kebertanggungjawapan mereka dalam proses pengundian kerana tidak turut terlibat.

Maksud perlembagaan persekutuan berkaitan hak warganegara untuk mengundi seharusnya dijemakan dalam akta-akta yang berkaitan. Terutamanya Akta Universiti dan Kolej Universiti. Malangnya selama hampir 40 tahun generasi mahasiswa dinafikan hak berpolitik mereka menyebabkan hingga kini generasi muda semakin jauh dari kesedaran politik.

Kemuncaknya berlakulah peristiwa penaikan bendera kebebasan mahasiswa selepas diturunkan bendera Perdana Menteri Najib Tun Razak. Juga darah merah mahasiswa universiti mula tumpah mengalir di universiti kerana terpaksa melawan bukan hujah, sebaliknya menahan perlawanan kekerasan polis.

Terma rujukan Pengukuhan SPR dalam Jawatankuasa Terpilih Parlimen (PSC) juga sepatutnya meneliti bagaimana SPR sebagai badan bebas yang menjalankan pilihan raya seharusnya tampil bersuara dan berperanan di Universiti.

SPR yang bebas harus diberi lebih kuasa dalam terlibat dalam apa sahaja urusan yang berkaitan pilihan raya termasuk memberi cadangan pindaan kepada mana-mana akta yang didapati mengekang maksud dan akta berkaitan pilihan raya.

SPR yang bebas juga harus diberi lebih kuasa bukan setakat menjalankan pilihan raya negeri dan parlimen semata, namun hendaklah menjadi badan penasihat dan pengendali bersama dengan pihak universiti bagi menjalankan pilihan raya dikampus. Pengalaman saya bertanding dalam pilihan raya kampus MPP UPM, walaupun menang dengan undi terbesar, pada pilihan raya MPP UPM tahun 2007, dapat merasakan pendedahan pertama saya dengan pilihan raya sangat menghampakan. Saya dan rakan-rakan pimpinan mahasiswa pada masa itu terasa penipuan dan ketidakbebasan dalam pilihan raya. Dimanakah SPR Dimanakah Pemantau Pilihan Raya Bebas.

Justeru saya memperteguhkan gesaan saya agar SPR yang bebas mengambil langkah awal dan tumpuan memberi pendidikan dan pendedahan kepada mahasiswa tentang pilihan raya bebas dan adil bermula di kampus

Saya juga mencadangkan pihak universiti dalam kerangka memperkukuhkan institusi awam mempergiatkan usaha menyuburkan demokrasi bukan setakat menjalankan kajian berkaitan pilihan raya seperti yang telah dijalankan dengan begitu baik oleh IKMAS UKM bahkan memperbanyakkan kerjasama dengan pihak SPR.

Cadangan saya:

1. SPR perlu memperbanyakkan program kerjasama dengan pihak yang menjalankan kajian bagi perkara yang menyangkut urusan demokrasi, politik dan juga pilihan raya.
2. Saya juga mencadangkan dalam soal tuntutan kebebasan akademik yang merangkumi juga kebebasan mahasiswa untuk berpolitik, adalah tidak wajar mahasiswa ditakutkan, dikepung dan dibelasah oleh pihak polis. Pihak pentadbir universiti dan SPR harus menjadi pihak pertama yang berurusan bagi perkara yang berkaitan dengan mahasiswa dan pilihan raya.
3. Adalah sangat memalukan mahasiswa yang terlibat dalam kempen pilihraya kecil dan pilihan raya umum diambil tindakan oleh pihak universiti dengan kerjasama erat polis cawangan khas. Penglibatan mahasiswa dalam aktiviti pilihan raya di luar kampus dilayan sebagai pelanggar undang-undang. ini melanggar dengan maksud Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa setiap warganegara berhak bebas bercakap dan mengeluarkan fikiran. Perkara 19 Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat juga menyebut

"Setiap orang adalah berhak kepada kebebasan pendapat dan mengeluarkan fikiran; hak ini termasuklah kebebasan memegang pendapat tanpa gangguan dan menuntut, menerima dan menyebarkan maklumat dan buah fikiran melalui sebarang media dan tanpa mengira sempadan.

4. Justeru bagi mamastikan SPR yang bebas dan adil dapat berfungsi dengan lebih baik dalam urusan pendaftaran pemilih dan penjalanan pilihan raya, saya mencadangkan Akta Universiti dan Kolej Universiti dimansuhkan.
5. Pemansuhan AUKU ini sangat penting bagi melibatkan lebih ramai anak-anak muda mahasiswa terlibat secara sihat dan aktif dalam politik juga pilihan raya.
6. Keadaan ini tentunya akan menghasilkan generasi mahasiswa yang bersama dengan komponen masyarakat yang lain dalam memberi sumbangan dalam pembentukan sebuah negara demokratik.

Cdangan Tambahan:

1. pusat pembuangan undi perlu dilarang digunakan oleh mana-mana parti atau calon sejak pembubaran sehinggalah tamat tempoh kempen.
2. anggota keselamatan perlu neutral dan tidak mengundi.
3. pemansuhan tempoh bantahan selepas penamaan calon perlu dibatalkan kerana rakyat berhak membantah calon jika mempunyai bukti yang kukuh. jika memfailkan bantahandi mahkamah, ini akan mengambil masa dan KOS yang tinggi.

Sekian.

**CADANGAN-CADANGAN PENAMBAIKAN BAGI
SESI PENDENGARAN AWAM JAWATANKUASA TERPILIH PARLIMEN
BERHUBUNG DENGAN PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA
7 & 8 JANUARI 2012
DI BILIK GERAKAN, BANGUNAN SUK, KOTA DARUL NAIM, KELANTAN**

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN:

1. Adalah dicadangkan diwujudkan satu peruntukan dalam undang-undang pilihan raya untuk mewajibkan pengundi mengundi.
2. Adalah dicadangkan had kelayakan umur mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun bagi lelaki dan perempuan 16 tahun/yang dah berkahwin.
3. Adalah dicadangkan pihak SPR memberi tumpuan kepada penjelasan bahwa Undi Adalah Rahsia, sehingga tiada lagi keraguan dan kebimbangan dikalangan para pengundi bahawa undi mereka diketahui oleh pihak-pihak lain.
4. Adalah dicadangkan sebarang dana berkaitan pilihan raya diberi tumpuan oleh pihak Audit bebas dan bertauliah, SPRM, POLIS dan SPR. Terutamanya yang kemungkinan sabit kesalahan dibawah Akta Kesalahan Pilihan Raya, Akta SPRM dan Akta Penggubahan Wang Haram.
5. Adalah dicadangkan sebarang tawaran dan janji bantuan segera oleh pihak bertanding kepada pihak pengundi dipantau dengan lebih berkesan. Gejala ini hendaklah dihapuskan sepenuhnya. Penguatkuasaan Seksyen 10, Akta Kesalahan Pilihan Raya hendaklah dikuatkuasakan.
6. Adalah dicadangkan persempadanan semula pilihan raya dibuat bagi pilihan raya umum ke 13 dengan diberi penekanan soal keadilan dan ketelusan kerana peraturan yang sedia ada dilihat lari dari maksud Jadual 13 Perlembagaan Persekutuan.
7. Adalah dicadangkan akses kepada media perdana, diberi layanan adil kepada semua pihak yang bertanding.
8. Adalah dicadangkan tempoh berkempen minimum 21 hari.
9. Adalah dicadangkan pihak SPR perlu sensitif dengan peruntukan perlembagaan Bahagian 2(10) yang menyatakan urusan 'Hak Kebebasan Bersuara dan Berhimpun'.

Daripada :
Abu Samah Hassan
Pengerusi Biro NGO, Guaman dan Pimpinan Masyarakat
PKR Negeri Kelantan